

Hari Keluarga KEKAUMAS 2018 Meriah

Terakhir dikemaskini: Selasa, 14 Ogos 2018 15:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 277

[Syorkan 0](#) [Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



SELASA, 14 OGOS – Hari Keluarga Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah

(KEKAUMAS) 2018 yang berlangsung di Pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini meriah dengan pelbagai acara menarik disediakan kepada peserta bersama ahli keluarga.

Menurut Pengarah Program, Salmiah Tertib, program Hari Keluarga itu merupakan aktiviti yang dirancang untuk semua ahli KEKAUMAS bersama keluarga masing-masing bertujuan merapatkan lagi hubungan silaturahim dan saling mengenali sesama keluarga ahli KEKAUMAS yang lain.

“Kita sangat bertuah kerana program ini mendapat penyertaan yang menggalakkan di samping keadaan cuaca yang baik membolehkan setiap acara berlangsung dengan lancar,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Juniezam Juka ketika mewakili Pendaftar UMS, No’man Hj. Ahmad ke program tersebut berkata, penganjuran Hari Keluarga KEKAUMAS merupakan salah satu wadah untuk mengeratkan jalinan kekeluargaan sesama ahli, dan pujian harus diberikan kepada ahli jawatankuasa program atas usaha merealisasikan penganjuran program tersebut.

“Diharapkan ahli-ahli KEKAUMAS akan terus bersatu hati dan menggembung tenaga untuk memajukan diri serta menjaga nama baik kesatuan demi kecemerlangan universiti yang kita sayangi ini.

“Tahniah juga kepada semua ahli yang hadir bersama keluarga masing-masing untuk memeriahkan lagi program ini, semoga anda semua bergembira dalam menyertai pelbagai acara menarik dengan hadiah-hadiah yang lumayan,” ujar Juniezam.

Pada acara tersebut, keluarga Tuan Hj. Manap Hj. Jainudin yang merupakan pesara UMS menerima ‘hadiah misteri’ selepas dinobatkan sebagai keluarga paling *sporting* dengan penyertaan ahli keluarga yang teramai serta menjadi pasukan terbaik dalam semua permainan.

Program itu turut menyaksikan penyampaian sumbangan kebajikan oleh Juniezam kepada ahli yang bersalin dan ahli yang ditimpa musibah, selain sumbangan kepada ahli yang telah bersara serta hadiah kepada para pemenang setiap acara.

Hadir sama, Presiden KEKAUMAS, Abdul Jalil Sapli dan Mantan Presiden KEKAUMAS, Amat Jutrah Hj. Musnih.